



**STRUKTUR PEKERJAAN BAGI
SEKTOR PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(Occupational Job Structures for
Agriculture & Agro Based Industry)**



JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

Department of Skills Development
Ministry of Human Resources, Malaysia

BAB	KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	RINGKASAN EKSEKUTIF	1
2.	KONSEP DAN RANGKAKERJA KELAYAKAN KEMAHIRAN PEKERJAAN MALAYSIA (MALAYSIA OCCUPATIONAL SKILLS QUALIFICATION FRAMEWORK - MOSQF)	2
3.	LATAR BELAKANG SEKTOR INDUSTRI PERTANIAN & ASAS TANI	6
	3.1 Pendahuluan	6
	3.2 Definisi Industri Pertanian & Asas Tani	6
	3.3 Analisa Semasa Sektor bagi Industri Pertanian & Asas Tani	8
	3.4 Polisi, Pertubuhan dan Pelan Pembangunan bagi Industri Pertanian & Asas Tani	12
	3.5 Keperluan Tenaga Mahir dalam Industri Tempatan	20
	3.6 Persaingan Industri di Peringkat Antarabangsa	21
4.	METODOLOGI ANALISA PEKERJAAN – SEKTOR PERTANIAN & ASAS TANI	23
	4.1 Kaedah Pembentukan Definisi Pekerjaan	
	4.2 Kaedah keseluruhan Proses Analisa Pekerjaan	
5.	PENEMUAN	29
	5.1 PERIKANAN	
	5.1.1 Tajuk Pekerjaan Sedia Ada dan Hierarki Sektor Perikanan	30
	5.1.2 Cadangan Sub Sektor	31
	5.1.3 Pemetaan antara Cadangan Sub Sektor dengan Sub Sektor Sedia Ada	35
	5.1.4 Justifikasi Tahap & Tahap Kemasukan	36
	5.1.5 Definisi Pekerjaan	37
	5.1.6 Tajuk Pekerjaan Kritikal	37
	5.1.7 Tajuk Pekerjaan Tidak Kritikal	38
	5.1.8 Rumusan Tajuk Pekerjaan Kritikal dan Tidak Kritikal	39

5.2	MAKANAN, FLORIKULTUR & TANAMAN PERINDUSTRIAN	40
5.2.1	Tajuk Pekerjaan Sedia Ada dan Hierarki Sektor Makanan, Florikultur & Tanaman Perindustrian	41
5.2.2	Cadangan Sub Sektor	53
5.2.3	Pemetaan di antara Cadangan Sub Sektor dan Sub Sektor Sedia Ada	55 55
5.2.4	Justifikasi Tahap & Tahap Kemasukan	56
5.2.5	Definisi Pekerjaan	58
5.2.6	Tajuk Pekerjaan Kritikal	59
5.2.7	Tajuk Pekerjaan Tidak Kritikal	
5.2.8	Rumusan Tajuk Pekerjaan Kritikal dan Tidak Kritikal	
5.3	PENTERNAKAN	60
5.3.1	Tajuk Pekerjaan Sedia Ada dan Hierarki Sektor Penternakan	62 68
5.3.2	Cadangan Sub Sektor	
5.3.3	Pemetaan di antara Cadangan Sub Sektor dengan Sub Sektor Sedia Ada	70 70
5.3.4	Justifikasi Tahap & Tahap Kemasukan	71
5.3.5	Definisi Pekerjaan	72
5.3.6	Tajuk Pekerjaan Kritikal	75
5.3.7	Tajuk Pekerjaan Tidak Kritikal	
5.3.8	Rumusan Tajuk Pekerjaan Kritikal dan Tidak Kritikal	
6	KESIMPULAN DAN CADANGAN	76
7	RUJUKAN	78
	LAMPIRAN	79

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1: Senarai Pakar Panel dan Fasilitator Sektor Pembangunan Analisa Pekerjaan bagi Sektor Pertanian & Asas Tani
- Lampiran 2: Definisi Pekerjaan di dalam Sektor Pertanian & Asas Tani

SENARAI RAJAH

	PAGE
Rajah 2.1: Rangka Kerja Kelayakan Kemahiran Pekerjaan Malaysia (MOSQF) – Empat (4) Sektor Pendidikan Tinggi & Lapan (8) Tahap Kelayakan	3
Rajah 2.2: Deskripsi Rangka Kerja Kelayakan Kemahiran Pekerjaan Malaysia (MOSQF)	5
Carta Pai 3.1: Sumbangan Pengeluaran mengikut Sub Sektor	9
Carta Pai 3.2: Pecahan Sumbangan Pengeluaran daripada Sub Sektor Perikanan	10
Carta Pai 3.3: Pecahan Sumbangan Pengeluaran daripada Sub Sektor Bidang Akuakultur	10
Carta Pai 3.4: Pecahan Sumbangan Pengeluaran daripada Sub Sektor Bidang Perikanan Tangkapan	11
Rajah 4.1 : Contoh Pengenalpastian Objek	24

PERIKANAN

Rajah5.1.1: Matrik OA Sedia Ada Kapten Teknologi Perikanan	30
Rajah5.1.2: Matrix OA Sedia Ada Perikanan	31
Rajah5.1.3: Cadangan Matrix OA Perikanan	34
Rajah5.1.4: Pemetaan di antara Cadangan Sub Sektor dengan Sub Sektor Sedia Ada	36
Rajah5.1.5: Jadual Tajuk Pekerjaan Kritikal	37
Rajah5.1.6: Jadual Tajuk Pekerjaan Tidak Kritikal	38
Rajah5.1.7: Jadual Kritikal dan Tidak Kritikal	39

TANAMAN MAKANAN, FLORIKULTUR & TANAMAN

PERINDUSTRIAN

Rajah5.2.1: Matrix OA Tanaman SediaAda	40
Rajah 5.2.2: Cadangan Matrik OA Tanaman & Florikultur – Bahan Penanaman	51
Rajah5.2.3: Cadangan Matrix Tanaman & Florikultur - Operasi	52
Rajah5.2.4: Pemetaan di antara Cadangan Sub Sektor dengan Sub Sektor Sedia Ada	54
Rajah5.2.5: Tahap Kemasukan pada Tahap 1	55

Rajah5.2.6: Jadual Tajuk Pekerjaan Kritikal	56
Rajah5.2.7: Jadual Tajuk Pekerjaan Tidak Kritikal	58
Rajah5.2.8:Jadual Kritikal dan Tidak Kritikal	59
5.3 PENTERNAKAN	60
Rajah5.3.1: Matrix OA Penternakan Sedia Ada	61
Rajah5.3.2: Matrix OA Penternakan– Ekuin Sedia Ada	61
Rajah5.3.3: Cadangan Matrix OA Penternakan - Makanan Ternakan	64
Rajah5.3.4: Cadangan Matrix OA Penternakan–Kesihatan Ternakan	65
Rajah5.3.5: Cadangan Matrix OA Penternakan– Pengeluaran	66
Rajah5.3.6: Cadangan Matrix OA Penternakan– Rumah Penyembelihan	67
Rajah5.3.7: Pemetaan di antara Cadangan Sub Sektor dengan Sub Sektor Sedia Ada	69
Rajah5.3.8 : Tahap Kemasukan pada Tahap 1	70
Rajah5.3.9: Jadual Tajuk Pekerjaan Kritikal	71
Rajah5.3.10: Jadual Tajuk Pekerjaan Tidak Kritikal	72
Rajah5.3.11: Jadual Kritikal dan Tidak Kritikal	75

1. RINGKASAN EKSEKUTIF

Sektor pertanian adalah salah satu daripada sektor utama perdagangan antarabangsa yang penting untuk menyumbangkan makanan dan bahan mentah dunia. Kebanyakan negara intelektual membangunkan sektor pertanian berdasarkan kebolehan/kemampuan menyediakan makanan yang cukup untuk populasi. Negara-negara yang membangun seperti United States, Australia dan juga Netherlands mengutamakan sektor pertanian di negara mereka. Sektor pertanian di negara-negara ini sebenarnya telah berjaya dibangunkan untuk bersaing dan mendapatkan keuntungan entiti perniagaan.

Walaupun Malaysia dikurniakan dengan tanah yang subur, hujan yang turun setiap bulan dan iklim yang sesuai untuk pertumbuhan tanaman, tetapi ianya masih tidak mencukupi kerana masih memerlukan pengimport bersih makanan untuk populasi di negara kita. Menteri Pertanian & Asas Tani dipertanggungjawabkan untuk membangunkan sektor makanan asas melalui persaingan entiti yang turut menyumbangkan hasil di dalam pendapatan negara dengan menggunakan peluang serta potensi yang telah sedia ada. Usaha di dalam memajukan sektor ini membabitkan pepatah Herculean yang bermaksud kemajuan bukan setakat perubahan dari segi peralatan perladangan yang tradisional kepada yang lebih moden dan canggih, tetapi ia juga melibatkan anjakan corak pemikiran komuniti yang masih kolot dan lemah dari segi kemahiran.

Perubahan cara pemikiran dan latihan boleh membantu dengan adanya maklumat yang tepat berdasarkan kepentingan dan potensi didalam sektor ini. Adalah berharap maklumat tentang Sektor Pertanian & Asas Tani dapat dipelbagaikan oleh pihak yang berminat. Analisa pekerjaan ini penting kerana ianya merupakan rujukan yang utama untuk pihak yang berminat/terlibat untuk mendapatkan keuntungan bersama terutamanya untuk menjadikan Sektor Pertanian & Asas Tani negara lebih menarik.

2. **KONSEP DAN RANGKAKERJA KELAYAKAN KEMAHIRAN PEKERJAAN MALAYSIA (MALAYSIA OCCUPATIONAL SKILLS QUALIFICATION FRAMEWORK - MOSQF)**

MOSQF adalah rangka kerja yang akan menjadi suatu sistem bersepadu untuk mengikat dan menghubungkan kesemua kelayakan yang dianugerahkan di Malaysia. MOSQF akan menjadi satu alat yang membangunkan dan mengklasifikasikan kelayakan berdasarkan kepada satu set kriteria yang diluluskan di peringkat kebangsaan dan setanding dengan yang dipraktikkan di peringkat antarabangsa pada tahap pembelajaran yang dicapai oleh pelajar. Ini termasuklah hasil pembelajaran yang dicapai yang mana boleh menjelaskan lagi tahap pembelajaran berkaitan. Kriteria tersebut akan digunakan dan diterima oleh kesemua pusat akreditasi Jabatan Pembangunan Kemahiran (*Department of Skills Development (DSD)*). MOSQF dibangunkan berdasarkan kepada Rangka Kerja Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Framework (MQF)*) dan juga berdasarkan rangka kerja yang digunakan serta dirujuk oleh negara lain seperti England, Wales & Northern Ireland, Australia, New Zealand dan Eropah. Oleh itu MOSQF membolehkannya menjadi satu alat terjemahan yang mana kelayakan boleh dibaca dan difahami merentasi pelbagai negara.

Rangka kerja dibangunkan supaya dapat meningkatkan sistem latihan kebangsaan semasa untuk semua pihak yang berminat seperti individu, penyedia latihan kemahiran, kerajaan, persatuan, badan profesional, industri dan komuniti Malaysia. MOSQF telah mengenalpasti lapan tahap kelayakan dalam empat (4) sektor pendidikan. Empat (4) sektor pendidikan tersebut adalah:

- Sektor kemahiran;
- Sektor vokasional dan teknikal;
- Sektor pembelajaran sepanjang hayat; dan
- Sektor pendidikan tinggi (universiti).

Kelapan-lapan tahap kelayakan boleh dilihat dalam *Rajah 2.2: MOSQF – Empat (4) Sektor Pendidikan Tinggi & Lapan (8) Tahap Kelayakan*.

Tahap Kelayakan	Sektor			Pembelajaran Sepanjang Hayat
	Kemahiran / PPT	Vokasional dan Teknikal	Akademik	
8	Doktor Kemahiran/ Diploma Profesional Lanjutan Kemahiran/ Meister Tinggi Kemahiran Malaysia		Ijazah Kedoktoran	Pengakreditan Pengalaman Pembelajaran Terkumpul (PPPT)
7	Sarjana Kemahiran / Diploma Profesional Kemahiran / Meister Kemahiran		Ijazah Sarjana	
			Sijil dan Diploma Pascaiswazah	
6	Diploma Siswazah Kemahiran/Sijil Profesonal Kemahiran / Diploma Lanjutan Tinggi Kemahiran		Ijazah Sarjana Pembantu	
			Sijil dan Diploma Siswazah	
5	Diploma Lanjutan Kemahiran	Diploma Lanjutan	Diploma Lanjutan	
4	Diploma Kemahiran	Diploma	Diploma	
3	SKM Tahap 3	Sijil Vokasional dan Teknikal	Sijil	
2	SKM Tahap 2			
1	SKM Tahap 1			

Rajah 2.1: MOSQF – Empat (4) Sektor Pendidikan Tinggi & Lapan (8)

Tahap Kelayakan

Sumber: Divisyen MOSQ, Jabatan Pembangunan Kemahiran

Dikaji Semula: Jun 2008

RANGKA KERJA KEMAHIRAN PEKERJAAN MALAYSIA
(MOSQF)

Tahap	Deskripsi Tahap
1	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk menggunakan pengetahuan, kemahiran dan prosedur yang relevan bagi menyelesaikan tugas yang rutin dan dijangka yang mengandungi tanggungjawab bagi menyempurnakan tugas dan prosedur berdasarkan halatuju atau panduan
2	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk memilih dan menggunakan pengetahuan, idea, kemahiran dan prosedur yang relevan untuk menyelesaikan tugas yang ditakrifkan dengan jelas dan mengemukakan masalah dengan jelas. Ia juga melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi menyelesaikan tugas dan prosedur, dan pengamalan autonomi dan pengadilan berdasarkan kepada keseluruhan halatuju atau panduan
3	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk mengenalpasti dan menggunakan pemahaman, kaedah dan kemahiran yang relevan untuk menyelesaikan tugas dan mengemukakan masalah yang ditakrifkan dengan jelas dengan ukuran kerumitan. Ia juga melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi memulakan dan menyelesaikan tugas dan prosedur sebagaimana pengamalan autonomi dan pengadilan di dalam parameter yang terhad. Ia juga menggambarkan kesedaran bagi perspektif yang berbeza atau pendekatan di dalam bidang kajian atau kerja
4	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk mengenalpasti dan menggunakan pemahaman, kaedah dan kemahiran yang relevan untuk mengemukakan masalah yang ditafsirkan dengan jelas tetapi kompleks dan tidak rutin. Ia melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi keseluruhan haluan tindakan sebagaimana pengamalan autonomi dan pengadilan di dalam pelbagai parameter yang adil. Ia juga menggambarkan pemahaman tentang perbezaan perspektif atau pendekatan di dalam bidang kajian atau kerja
5	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk mengenalpasti dan menggunakan pemahaman, kaedah dan kemahiran yang relevan untuk mengemukakan pelbagai tafsiran, masalah kompleks. Ia juga melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi perancangan dan pembangunan haluan tindakan sebagaimana pengamalan autonomi dan pengadilan di dalam pelbagai parameter. Ia juga menggambarkan pemahaman bagi perbezaan perspektif, pendekatan atau pendapat dan alasan sebaliknya
6	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk memperbaiki dan menggunakan pemahaman, kaedah dan kemahiran yang relevan untuk mengemukakan masalah kompleks yang mempunyai definisi yang terhad. Ia juga melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi perancangan dan pembangunan haluan tindakan yang membolehkan untuk menyokong

Tahap	Deskripsi Tahap
	banyak perubahan atau pembangunan, sebagaimana pengamalan pelbagai autonomi dan pengadilan. Ia juga menggambarkan pemahaman bagi perbezaan perspektif, pendekatan sekolah bagi pendapat dan teori yang menyokongnya
7	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk mengatur semula dan menggunakan pemahaman, kaedah-kaedah dan pendekatan yang relevan untuk mengemukakan situasi yang bermasalah yang melibatkan banyak faktor yang saling bertindak. Ia juga melibatkan pengambilan tanggungjawab bagi perancangan dan pembangunan haluan tindakan yang memulakan atau menyokong perubahan atau pembangunan yang besar, sebagaimana pengamalan pelbagai autonomi dan pengadilan. Ia juga menggambarkan pemahaman teori dan kaedah perspektif yang relevan dan bagaimana mereka yang mempengaruhi bidang kerja atau kajian
8	Pencapaian pada tahap ini menggambarkan kebolehan untuk membangunkan pemahaman asli dan memperkembangkan bidang pengetahuan atau amalan profesional. Ia menggambarkan kebolehan untuk mengemukakan situasi yang bermasalah yang melibatkan banyak kerumitan, faktor yang saling bertindak melalui memulakan, merekabentuk dan menjalankan penyelidikan, pembangunan atau aktiviti strategik. Ia melibatkan amalan pelbagai autonomi, pengadilan dan kepimpinan dalam perkongsian tanggungjawab bagi pembangunan bidang kerja atau pengetahuan atau bagi penciptaan perubahan profesional atau organisasi yang besar. Ia juga menggambarkan pemahaman yang kritikal bagi teori dan kaedah perspektif yang relevan dan bagaimana ianya mempengaruhi bidang pengetahuan atau kerja

Rajah 2.2: Gambaran Tahap Rangka Kerja Kemahiran Pekerjaan Malaysia (MOSQF)

Sumber: Bahagian MOSQF, Jabatan Pembangunan Kemahiran
Dikaji Semula: 2 April 2008

3. LATAR BELAKANG SEKTOR INDUSTRI PERTANIAN & ASAS TANI

3.1 Pendahuluan

Kementerian Pertanian & Asas Tani memberi penekanan kepada pembangunan Industri Asas Tani untuk meningkatkan pendapatan melalui pertumbuhan aktiviti pertanian. Program Industri Asas Tani ini telah lama diusahakan oleh kementerian ini untuk mempelbagaikan dan meningkatkan pendapatan yang telah disasarkan. Untuk mewujudkan sektor pertanian yang benar-benar maju ini sebenarnya memerlukan pertambahan pengeluaran bahan makanan dan bukan makanan yang berasal daripada hasil produk pertanian. Objektif kementerian ini adalah bersesuaian dan mematuhi standard piawaian kualiti dan keselamatan makanan supaya dapat mengembangkan dan menembusi pasaran luar. Selain daripada usaha meningkatkan pelabur dari industri ini, usaha yang sama juga dijalankan untuk mencari pelabur lain yang lebih berkaliber dan berpengalaman luas dalam industri pertanian.

Pelaksanaan untuk pembangunan pertanian ini memerlukan sokongan daripada perkhidmatan yang cekap dari pelbagai aspek termasuklah tenaga kerja yang berkemahiran, sumber kewangan yang kukuh dan kemudahan teknologi terkini daripada peringkat awal persediaan, pengeluaran, penjagaan dan pemasaran produk. Di mana langkah ini penting di dalam usaha pembangunan sektor ini.

3.2 Definisi Industri Pertanian & Asas Tani

Pertanian bermaksud pengeluaran hasil makanan dan barang-barang yang berasal daripada perladangan atau perhutanan. Sektor pertanian merupakan kunci utama pembangunan tamadun melalui penjagaan haiwan domestik dan tanaman yang menghasilkan lebihan makanan, yang membolehkan peningkatan jumlah populasi .

Sektor pertanian adalah merupakan proses pengeluaran makanan, makanan haiwan, serat dan pelbagai produk, hasil daripada bercucuk tanam, penternakan dan perikanan. Industri Asas Tani pula bermaksud segala aktiviti yang melibatkan penanaman seperti florikultur,

tanaman makanan & tanaman perindustrian termasuklah tanaman sayur dan operasi penuaian/petikan buah dan sayur. Pembangunan industri ini sangat penting dalam rancangan ekonomi dan perkembangan negara. Tiga bidang asas didalam Industri Pertanian & Asas Tani ialah Penanaman, Perikanan dan Penternakan.

i. Perikanan

Perikanan merujuk kepada entiti yang melibatkan penternakan dan penangkapan ikan. Menurut Organisasi Pertanian dan Makanan (Food and Agriculture Organization (FAO)), perikanan didefinisikan berdasarkan pihak yang terlibat, spesis atau jenis ikan, kawasan air atau dasar laut, kaedah memancing, pengkelasan bot, tujuan aktiviti atau penggabungan ciri-ciri diatas.

Kebiasaannya, istilah ini digunakan untuk menjelaskan pengabungan ikan dan penangkap/penternak ikan dalam sebuah kawasan. Penangkap/penternak ikan didefinisikan melalui spesis ikan dan jenis alatan yang digunakan. Perikanan juga melibatkan penangkapan ikan atau penternakan ikan ternakan melalui penternakan ikan atau akuakultur.

ii. Tanaman Makanan, Florikultur & Tanaman Perindustrian

Tanaman boleh dirujuk sebagai tanaman yang bermusim mengikut pelbagai jenis tanaman dalam kuantiti yang perlu untuk dijadikan sebagai pelbagai jenis produk pertanian seperti makanan haiwan ternakan, makanan dan sebagainya untuk tujuan menjana pertumbuhan ekonomi. Kategori ini termasuklah pelbagai spesis tanaman serta teknik pertanian yang berkaitan dengan penanaman.

Terdapat pelbagai jenis tanaman yang boleh ditanam secara besar-besaran dan dikenali sebagai tanaman industri . Contohnya, tanaman yang masih dalam proses tumbesaran yang boleh mendatangkan keuntungan dan memberi sumber makanan.

iii. Penternakan

Penternakan merujuk sebarang pembiakan/baka atau populasi haiwan yang boleh mendatangkan kegunaan dan keuntungan kepada manusia secara komersil. Terdapat 3 jenis haiwan iaitu haiwan peliharaan, haiwan separa peliharaan dan haiwan tahanan (kurungan). Haiwan separa peliharaan ini juga boleh dikenali sebagai haiwan yang dibela tetapi hanya penjagaan separuh masa atau tidak dijaga sepenuhnya. Populasi ini juga adakalanya dalam proses peliharaan. Sesetengah pihak lebih gemar menggunakan istilah penternakan untuk merujuk kepada haiwan peliharaan atau haiwan daging merah (yang dijadikan sumber makanan - pedaging) .

3.3 ANALISA SEMASA SEKTOR INDUSTRI PERTANIAN & ASAS TANI

Kerajaan merancang Malaysia menjadi pesaing pengeluar sedunia untuk produk pertanian yang berkualiti tinggi. Polisi kerajaan adalah untuk mengurangkan makanan import dan meningkatkan pengeluaran makanan dan ia memberi kesan terhadap perkembangan sektor pertanian. Sesetengah perkembangan adalah besar disebabkan oleh peningkatan dalam pengeluaran getah dan komoditi makanan, khususnya ikan, penternakan dan buah-buahan.


Sektor pertanian dijangkakan mencapai perkembangan pada kadar 2.1% setahun. Sektor ini menyumbangkan kepada GDP yang menurun dari 13.5% pada tahun 1995 kepada 7.2% pada tahun 2010. Penurunan ini konsisten dengan keseluruhan struktur ekonomi yang berubah melalui pembangunan ekonomi. Peningkatan kekurangan buruh dan persaingan dalam pengeluaran adalah dijangkakan akan menurunkan sumbangan getah dan koko kepada pasaran nilai tambahan. Sumbangan kepada pasaran pertanian nilai tambahan daripada 2 sub sektor ini yang dijangka akan merosot dari 10.4% dan 5.2% pada tahun 1995 5.3% dan 3.0% pada tahun 2010.

Sumber terbaru pertumbuhan adalah dijangkakan daripada pelbagai inisiatif untuk memperkenalkan kumpulan industri yang baru seperti agro-perhutanan, produk khusus semulajadi, buluh dan rotan, produk bioteknologi, tanaman berbunga dan

ikan akuarium. Oleh yang demikian, sumbangan daripada pelbagai kumpulan untuk pertanian nilai tambahan telah meningkat dari 1.6% pada tahun 1995 kepada 7.8% pada tahun 2010. Pertumbuhan yang memberangsangkan daripada sub sektor makanan dijangka hasil daripada usaha menyelesaikan kekangan pembekal dan kekuatan asas ekonomi didalam sub sektor ini. Sumbangan daripada pertanian nilai tambahan dijangka akan meningkat daripada RM4.3 billion pada tahun 1995 kepada RM7.3 billion pada tahun 2010. Sektor pertanian khususnya dalam tanaman industri dan agro perhutanan akan berterusan memainkan peranan yang penting sebagai pembekal bahan mentah kepada industri berasaskan sumber. Industri pertanian ini dijangka akan meningkatkan sumbangannya kepada sumber ekonomi negara kerana akan berlakunya pertambahan bahan mentah yang akan diproses sehingga menjadi produk dan akan di eksport. Sebagai pelengkap kepada pembekal tempatan dan peningkatan kehendak pengguna daripada industri hiliran, strategi kewangan akan diambil tindakan melalui pelaburan luar.

Statistik Perikanan


Carta pai dibawah menunjukkan sumbangan daripada sub sektor perikanan kepada nilai tambah sektor makanan dan Industri Asas Tani sebanyak 39.6% dibandingkan sebanyak 35.9% untuk sub sektor pertanian dan 24.5% untuk sub sektor veterinar.



Carta Pai 3.1: Sumbangan pengeluaran mengikut sub sektor


Menurut carta pai 3.2, menunjukkan pada tahun 2008, pengeluaran sub sektor perikanan sebanyak 1,731,988 tan ikan yang bernilai lebih kurang RM7, 115

million. Jumlah yang meningkat adalah 5.0% kuantiti berbanding pada tahun 2007. penangkapan ikan laut dalam dan akuakultur menyumbangkan 1,377,623 dan 354,365 tan masing-masing dalam pengeluaran perikanan negara.



Carta Pai 3.2: Pecahan sumbangan pengeluaran daripada sub sektor perikanan


Pengeluaran daripada akuakultur meningkat kepada 243,066 tan dan ianya meningkat sebanyak 36.4% berbanding tahun 2007. Nilai pengeluaran akuakultur turut meningkat dari RM1,323,280 pada tahun 2007 kepada RM1,769,305. Brackishwater akuakultur tetap menjadi penyumbang terbesar kepada sub sektor ini iaitu 60.5% atau 147,184 tan. Ianya mewakili peningkatan sebanyak 36% berbanding tahun 2007. Manakala akuakultur air tawar pula menyumbangkan sebanyak 39.5% atau 95,917 tan.



Carta Pai 3.3: Pecahan sumbangan pengeluaran daripada akuakultur

Carta pai perikanan tangkapan tersebut menunjukkan sedikit penurunan iaitu 0.3% daripada 1,381,424 tan kepada 1,377,623 tan. Perikanan laut pantai kekal menjadi

penyumbang terbesar kepada pendaratan ikan marin negara sebanyak 79.5%. Nilai penyumbangan yang ditunjukkan meningkat dari 5.6% kepada RM 5,324 million seperti yang dibandingkan pada tahun 2007.



Carta Pai 3.4: Pecahan sumbangan pengeluaran daripada perikanan tangkapan

Penternakan

Industri penternakan dijangkakan akan berkembang bagi memenuhi permintaan negara untuk makanan serta bahan mentah bagi industri yang terlibat didalam pemprosesan produk ternakan pasaran tempatan dan asing. Sub sektor penternakan akan dinaiktaraf untuk mengurangkan penurunan perdagangan sub sektor sebelum tahun 2010. Ini akan dicapai dengan usaha meningkatkan pengeluaran penternakan domestik melalui penghapusan penyakit zoonotik dan program kawalan daripada merebak. Melalui usaha ini, kualiti dan status halal daripada industri hiliran produk penternakan boleh dipertingkatkan dan dinaiktaraf untuk menambahkan pasaran produk di pasaran asing terutamanya di negara Islam.

Pembangunan Industri Asas Tani

Program industri asas tani ini telah lama di ambil kira oleh Kementerian Pertanian & Asas Tani dalam usaha mempelbagaikan peningkatan pendapatan kumpulan sasaran. Untuk mewujudkan sektor pertanian yang maju memerlukan pertambahan pengeluaran bahan makanan dan bukan makanan yang berasal daripada hasil produk pertanian. Objektif ini perlu dilengkapi dengan mematuhi standard piawaian kualiti dan keselamatan makanan supaya dapat berkembang dan menembusi pasaran luar. Selain daripada usaha meningkatkan pelabur dari industri ini, usaha yang sama juga dijalankan untuk mencari pelabur lain dalam industri pertanian.

3.4 POLISI, PERTUBUHAN DAN PELAN PEMBANGUNAN BAGI INDUSTRI PERTANIAN & ASAS TANI

i) Pembentukan Undang-Undang Industri Perikanan

Undang-undang untuk industri perikanan merangkumi segala aspek pengeluaran dan kitaran perniagaan. Undang-undang ini meliputi semua aktiviti termasuk memancing, menternak, pemprosesan dan pasaran produk perikanan.

- Akta Perikanan 1985
 - Akta Hak Pembangunan Perikanan Malaysia 1971 ;
 - Akta Makanan dan Peraturan Makanan 1985 – standard dan tuntutan untuk produk perikanan; dan
 - Akta Hak Pembangunan Perikanan Malaysia 1971 (Akta 49).

ii) Pembentukan Undang-Undang untuk Penanaman

Pembentukan undang-undang untuk Industri Pertanian & Asas Tani diusulkan kepada kerajaan untuk aktiviti didalam sektor ini. Undang-undang ini adalah untuk mengawal segala aktiviti utama pertanian dan asas tani iaitu penternakan, perikanan dan pemprosesan makanan.

- Akta Racun Serangga 1974;
- Akta tanaman kuarantin 1976;
- Akta makanan 1983 dan peraturan makanan ;
- Akta hak persekutuan pasaran pertanian (FAMA) 1965 ;
- Arahan cukai kastam (larangan untuk eksport) 1988; dan
- Konvensyen Perdagangan Antarabangsa dalam menjaga spesis Flora dan Fauna (CITES).

iii) Pembentukan undang-undang Penternakan

Pembentukan undang-undang untuk Industri Pertanian & Asas Tani diusulkan kepada kerajaan untuk aktiviti didalam sektor ini. Undang-undang ini adalah untuk mengawal segala aktiviti utama seperti penternakan haiwan, kesihatan haiwan, penyembelihan, pemprosesan dan pasaran produk penternakan.

- Undang-undang haiwan ;
- Peraturan kawalan penyembelihan 1975;
- Arahan kepentingan haiwan 1962;
- Stesen persekutuan kuarantin haiwan (pengurusan dan penyelenggaraan undang-undang 1984) ;
- Akta makanan dan peraturan makanan 1985; dan
- Senarai undang-undang (senarai undang-undang daripada Jabatan Perkhidmatan veterinar).

iv) Rancangan Malaysia Ke-9

Rancangan Malaysia ke-9 menyatakan cadangan kerajaan untuk menumpukan kepada usaha dalam membangunkan sektor pertanian negara. Dalam usaha membangunkan sektor ini dalam pertumbuhan ekonomi, pihak kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai bentuk sokongan dan rancangan bagi menggalakkan pelaburan.

Sektor Pertanian telah dijangkakan akan meningkat dengan kadar purata tahunan 5.0 peratus. Termasuk Industri Asas Tani, kadar pertumbuhan dijangka menjadi 5.2 peratus. Sepanjang tempoh rancangan ke-9, polisinya akan memberi tumpuan kepada komersialisasi dan mewujudkan petani yang mempunyai pendapatan yang tinggi serta promosi untuk menarik pelaburan sektor swasta termasuklah pelabur asing. Antara polisi tersebut ialah:

- Peningkatan pengeluaran pertanian dalam usaha pertumbuhan sumber baru dengan banyak pelaburan dari sektor swasta
- Meningkatkan aktiviti pemprosesan asas tani dan kepelbagaian produk, mengukuhkan pemasaran dan rangkaian antarabangsa;
- Menambah pendapatan peladang dan penternak; dan
- Memperbaiki sistem perkhidmatan .

Objektif dan Strategi

Objektif utama pembangunan industri asas tani adalah seperti berikut:

- Membangun dan meningkatkan aktiviti pemprosesan dan kepelbagaian produk;
- Mengukuhkan kualiti produk untuk menembusi pasaran dan rangkaian antarabangsa; dan
- Menambah pendapatan pengusaha, peladang dan penternak.

Untuk mencapai objektif ini, terdapat 7 strategi yang perlu diambilkira iaitu:

- Latihan teknikal dan keusahawanan (HR);
- Mempertingkatkan infrastruktur dan peralatan ;
- Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan produk ;
- Memperoleh perakuan dan jaminan kualiti;
- Penjenamaan ;
- Menyediakan modal yang mencukupi; dan
- Memperbesarkan ruang pasaran dan promosi.

Polisi dan hala tuju rancangan malaysia ke-9 adalah perubahan yang berkaitan usaha dalam mencapai matlamat dan sasaran rancangan. Program dan pembangunan projek akan dilakukan mengikut strategi di bawah:

1. Untuk meningkatkan pengeluaran agro-makanan;
2. Untuk pertumbuhan sumber baru seperti di dasar laut & tangkapan tuna, rumpai laut, tanaman hiasan dan bunga;
3. Untuk memperkembangkan industri asas tani;

4. Mempelbagaikan sumber pendapatan didalam kumpulan pasaran;
5. Untuk menyediakanfaedah daripada agro-bioteknologi dan marin bio-teknologi;
6. Untuk meningkatkan kebolehan pasaran;
7. Mengikut standard dan kualiti antarabangsa;
8. Untuk menyediakan pinjaman dan insentif; dan
9. Untuk menitikberatkan jumlah faktor produktiviti.

v) Polisi Pertanian Antarabangsa – ‘National Agriculture Policy’ (1992 - 2010)

Objektif polisi pertanian antarabangsa (NAP 3) adalah memaksimakan pendapatan melalui penggunaan sumber yang optima didalam sektor ini. Ini termasuklah memaksimakan sumbangan pertanian kepada produk kasar tempatan negara (GDP), pendapatan eksport sebagaimana maksimakan pendapatan peladang, penanam dan penternak. Objektif NAP3 ialah :

- i) Untuk mengembangkan keselamatan makanan ;
- ii) Untuk meningkatkan produktiviti dan persaingan sektor ini;
- iii) Untuk mendalami hubungan dengan sektor lain;
- iv) Mewujudkan pertumbuhan sumber baru dalam sektor ini ; dan
- v) Memelihara dan mempertahankan penggunaan sumber asli.

Pencapaian objektif ini bergantung pendekatan dan hala tuju polisi untuk mengembangkan sumbangan ekonomi dan pertumbuhan sektor pertanian. Akhir sekali, NAP 3 memperkenalkan 2 strategi pendekatan yang baru yang dipanggil pendekatan perhutanan dan pendekatan berasaskan produk . Pendekatan perhutanan dikaitkan dengan isu kekurangan sumber termasuklah tanah, buruh dan bahan mentah yang sedia ada. Pendekatan kedua strategi baru ialah pendekatan berasaskan produk . Melalui pendekatan ini, produk dan pasaran utama yang dikenalpasti adalah kehendak, potensi pasaran dan rujukan pengguna. Pendekatan konvensional berasaskan komoditi, menghadkan keberkesanan memenuhi kehendak pasaran yang bernilai tinggi. Pendekatan berasaskan produk akan dikhususkan selaras dengan keperluan

kepelbagaian pasaran. Kehendak pasaran dan rujukan diterjemahkan kepada strategi untuk pemasaran pengeluaran pertanian 'upstream' agar pengeluaran dan pemasaran produk pertanian dan perhutanan dapat ditingkatkan.

Pendekatan ini tentu boleh memperkukuhkan dan melengkapkan kelompok pembangunan industri asas tani yang dikenalpasti sebagai perhubungan kedua-dua sektor intra dan inter termasuklah pembangunan dan perkembangan industri pertengahan dan sokongan.

Melalui pendekatan ini, pengeluaran pertanian boleh dikhususkan mengikut keperluan segmen pasaran global dan domestik. Strategi mengenalpasti keperluan pasaran hulu (upstream) akan membantu membuat keputusan dalam mengeluarkan keperluan bahan mentah untuk menyokong pengeluaran asas tani dan aktiviti ekonomi yang lain. Ini boleh meluaskan skop pertanian dan pembangunan perhutanan serta mewujudkan peluang perniagaan untuk mempelbagaikan usaha niaga melalui sistem perhubungan. Ini termasuklah pembangunan & penyelidikan (R&D) dan teknologi, pemprosesan dan pengeluaran, pembuatan produk, pengedaran dan pasaran produk siap serta perkhidmatan kepada pengguna.

NAP akan meneruskan pertumbuhan pertanian melalui pembangunan tanah yang sederhana dan kegunaan intensif yang akan datang. Terdapat banyak pengurangan kawasan getah, padi, kelapa dan koko, getah, dan kawasan penanaman padi. Kebanyakan dari kawasan tersebut akan digantikan oleh perhutanan, kelapa sawit, buah-buahan dan kepelbagaian sayuran. Di Sabah dan Sarawak, pembangunan tanah baru akan dimulakan. Misalnya, penggunaan tanah untuk pertanian sepanjang tempoh rancangan NAP dijangka akan meningkat sebanyak 0.5% setiap tahun daripada 5.8 billion hektar menjadi 6.2 million hektar.

vi) Jabatan Perikanan

Jabatan perikanan bertanggungjawab terhadap kemajuan, aktiviti membaikpulih dan penjagaan sumber memancing melalui pengedaran lesen, rasional pengurusan sumber, pembangunan terumbu tiruan (ARs) dan taman marin. Langkah awal proses diatas telah pun dimulakan pada awal 70 an dan dibangunkan pada tahun 80 an. Aktiviti-aktiviti penjelajahan memancing di laut telah dibuat rasmi pada 17 September 1987, oleh Perdana Menteri Malaysia dan Thailand. Jabatan itu mengambil langkah-langkah untuk mengeluarkan lesen dan melatih nelayan-nelayan, seterusnya membangunkan industri dan telah turut memfokuskan usaha-usaha bagi menjadikan akuakultur satu sektor penting oleh abad ke-21.

Tahun 1993 merupakan permulaan satu era baru untuk perkembangan dan sumbangan sektor perikanan dengan wujudnya Polisi Pertanian Negara (1992 - 2010) yang mana telah dilancarkan untuk menggariskan pembangunan masa depan sektor perikanan terutama sekali dalam memancing di laut dan akuakultur.

Objektif:

1. Memastikan sasaran pengeluaran ikan negara 1.83 juta setiap tahun tan metrik pengeluaran perikanan laut dalam yang terus bertambah pada 380,000 tan metrik, pengeluaran akuakultur pada 508,000 tan metrik, dan bagi mengekalkan pengeluaran perikanan pantai pada 938,000 tan metrik;
2. Untuk diusahakan pertambahan nilai eksport produk berasaskan perikanan sehingga RM3.3 bilion selain mengawal peningkatan barangan import agar kekal sejumlah RM2.8 bilion;
3. Untuk diusahakan mencapai satu pendapatan bersih minimum bagi setiap bulan RM3,000 untuk setiap orang usahawan perikanan; dan
4. Bagi memastikan pendapatan nelayan-nelayan adalah di atas paras kemiskinan.

vii) Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia

Perkhidmatan teras Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) adalah dalam penternakan dan pembangunan komoditi dan aspek-aspek kesihatan ternakan. Perkhidmatan tersebut adalah seperti aktiviti-aktiviti mengawal, mencegah dan membasmi penyakit haiwan; pembangunan industri ternakan; penyelidikan penyakit, pembiakan, penggunaan dan sosioekonomi penternak; perkhidmatan makmal dan pemeriksaan kualiti untuk produk-produk berasas ternakan dan undang-undang veterineri dan penguatkuasaan undang-undang. DVS juga menyediakan khidmat perunding dan bimbingan untuk bakal pengusaha ternakan dan pengusaha dalam bidang pembiakan.

Selaras dengan keperluan semasa, jabatan ini menggalakkan penggunaan teknologi terkini dalam sistem-sistem pertanian terutama sistem-sistem mesra alam yang mematuhi piawaian antarabangsa. Selain itu, Jabatan Veterinar mempunyai satu tanggungjawab sosial dalam membasmi kemiskinan melalui penglibatan dalam program-program kredit mikro dan kepelbagaian pendapatan melalui pengeluaran produk asas ternakan (makanan atau bukan makanan). Program ternakan dikenali sebagai satu daripada program mempertingkatkan ekonomi luar bandar.

Jabatan Veterinar memandang serius kepada kesejahteraan dan kebajikan haiwan dan sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi memastikan kes-kes layanan buruk dapat diharungi.

viii) Jabatan Pertanian

Berikut merupakan fungsi jabatan pertanian:

- Untuk menilai, mengubahsuai dan membentuk pakej teknologi daripada institusi penyelidikan agar sesuai dengan keadaan tempatan terlebih dahulu sebelum dipindahkan kepada usahawan pertanian;
- Bagi menyediakan kepakaran runding dan perkhidmatan sokongan teknikal didalam pakej keusahawanan, pembangunan sektor swasta dan agensi pertanian;

- Bagi membangunkan sumber informasi pertanian negara bagi tujuan merancang dan membangunkan projek pertanian ;
- Untuk menjalankan latihan di Institut Pertanian / pusat Latihan Pertanian untuk memenuhi permintaan tenaga kerja mahir dalam sektor pertanian;
- Untuk mengawal kualiti biji-biji benih dan bahan-bahan penanaman yang dihasilkan dan diedarkan dalam negara;
- Untuk menguatkuasakan Akta Pesticides 1974 bagi memastikan bahawa semua racun perosak import, yang dikilangkan dan dijual dalam negara adalah berkualiti tinggi dan tidak mempunyai kesan buruk ke atas manusia, binatang-binatang, tanaman bahan makanan dan persekitaran;
- Untuk menguatkuasakan Kuarantin Tumbuhan Akta 1976 untuk mengawal kemasukan binatang perosak asing beracun dan penyakit-penyakit serta mePembantuhkan eksport tumbuh-tumbuhan dan produk tumbuhan dengan tujuan memenuhi syarat-syarat fitosanitasi negara-negara yang mengimport;
- Untuk menguatkuasakan Customs Order (Prohibition of Exports) 1988 dan CITES Agreement (Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora) untuk mencegah spesies tumbuhan yang penting kepada ekonomi daripada dibawa daripada negara secara bebas dan untuk menghalang kepupusan terancam tumbuh-tumbuhan liar spesies; dan
- Untuk menubuh rangkaian dan kerjasama dengan orang awam dan sektor-sektor swasta yang terlibat dalam pembangunan, penguatkuasaan dan perdagangan dalam pertanian pada peringkat negara dan antarabangsa.

3.5 KEPERLUAN TENAGA MAHIR DI DALAM INDUSTRI TEMPATAN

Malaysia mempunyai tenaga buruh hampir 9.6 juta orang. Sektor pekerjaan terbesar adalah perdagangan dan pelancongan yang mengambil bekerja 28% pekerja-pekerja. Sektor Pembuatan mengambil bekerja sebanyak 27% dan pembuatan perindustrian menyumbang 44% kepada KDNK Malaysia. Sektor Pertanian (16%) dan perkhidmatan (10%) mempunyai jumlah pekerja-pekerja terendah. Pengangguran kekal paras rendah pada 3%.

Jumlah tenaga kerja dalam pertanian merosot daripada 1,524,000 orang pekerja pada 1995 kepada 980,000 orang pekerja pada 2010. Kekurangan tanah, buruh dan kos pengeluaran yang bertambah, membayangkan pertambahan hektar tanah akan terbatas sepanjang tempoh rancangan Malaysia. Oleh itu, peningkatan dalam output akan datang dari penambahan produktiviti. Produktiviti setiap pekerja dijangka akan bertambah daripada RM10,650 untuk setiap pekerja RM22,780 dalam tempoh sama. Ini mencerminkan penekanan yang diberikan kepada teknologi penjimatan buruh, inovasi-inovasi dan amalan-amalan pengurusan ladang yang lebih efisien.

Malaysia pada tahun kebelakangan ini telah menyerap sebilangan besar buruh asing untuk bekerja dengan bayaran dan kemahiran yang rendah. Lebih 230,000 buruh asing memasuki negara itu pada 2000, kebanyakannya dari Indonesia dan Filipina. Pekerja-pekerja ini diambil bekerja dalam bidang yang mana para pengkritik-pengkritik melabel “3 D” (Dirty, Dangerous, Demeaning - kotor, berbahaya, dan merendahkan maruah). Secara umum, buruh asing yang kurang mahir diambil bekerja dalam bidang pekerjaan yang mana kebanyakan rakyat Malaysia enggan lakukan. Semasa pertumbuhan perlahan ekonomi baru-baru ini, kerajaan telah mengeluarkan amaran agar syarikat antarabangsa dan syarikat tempatan memecat buruh asing sebelum memecat rakyat Malaysia. Disebabkan firma-firma multinasional tidak ramai mengambil rakyat asing bekerja, maka amaran kerajaan mempunyai respon yang tidak memberangsangkan dalam sektor-sektor perindustrian dan teknologi. Ramai buruh asing telah dipecat daripada sektor pertanian, dan sejumlah besar kes digantikan oleh pendatang-pendatang haram.

Permintaan buruh lebih tinggi akan berpunca daripada prestasi eksport yang bertambah baik dan pemulihan dalam pelaburan-pelaburan sektor swasta. Sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan akan kekal sebagai pemandu pertumbuhan. Tinjauan itu termasuk aktiviti-aktiviti pelaburan kukuh seperti di bawah :

- Pertanian dan industri-industri berasaskan agro ;
- Pembuatan nilai tinggi dan industri-industri ICT ;
- Industri-industri perkhidmatan termasuk perkhidmatan profesional, logistik, jagaan kesihatan, pendidikan, pelancongan dan industri-industri berdasarkan pengetahuan lain ; dan
- Sektor minyak dan gas.

Usaha-usaha akan diambil untuk kembali mengorientasikan pekebun kecil kepada ladang-ladang moden yang menggunakan hasil penyelidikan, terutama daripada bioteknologi. Kemajuan ekonomi berasaskan pengetahuan menyebabkan perlu bagi mewujudkan bekalan pekerja yang berpengetahuan. Tenaga kerja Malaysia yang produktif adalah dikehendaki mempunyai ciri-ciri berdisiplin, mahir, faham IT, kemahiran komunikasi yang baik dan kefasihan dalam bahasa-bahasa utama bidang ini. Pekerja-pekerja juga digalakkan mengamalkan atitud pembelajaran sepanjang hayat bagi memperbaiki dan meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran-kemahiran dengan tujuan bersaing dalam ekonomi global.

3.6 PERSAINGAN INDUSTRI DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Berdasarkan perubahan pasaran antarabangsa terkini, corak perdagangan dalam permintaan makanan dunia akan berterusan hingga ke masa depan. Peralihan dalam corak perdagangan ini merupakan peluang yang cerah untuk sub sektor makanan berasaskan pertanian. Pertumbuhan pendapatan dan perubahan-perubahan berikutnya dalam penggunaan makanan yang berpunca daripada perbandaran adalah pemandu utama dalam mewujudkan perubahan dalam permintaan dunia dan corak perdagangan.

Pada 2003, Malaysia telah mengeksport makanan berasaskan pertanian bernilai RM7.9 bilion terutamanya ternakan, makanan laut, sayur-sayuran dan minyak sayur-sayuran dan buah-buahan.

Keupayaan sebagai pengeluar makanan dan pemprosesan berasaskan pertanian untuk menembusi pasaran negara-negara maju bergantung kepada keupayaan mematuhi piawaian keselamatan dan kualiti makanan Pendekatan rantai makanan yang preventif atau dari ladang terus ke pengguna didorong oleh kebimbangan dikalangan pengguna, para petani, pemproses, peruncit dan kerajaan. Terdapat keperluan bagi meningkatkan sistem tradisional keselamatan makanan dan bagi membuang makanan tidak selamat yang telah dicemari oleh ejen zoonotik, patogen, bahan-bahan tercemar perindustrian dan bahan-bahan kimia pertanian. Sememangnya pendekatan ini akan membolehkan lebih dikesan pada produk-produk makanan. Pengeksport buah-buahan kini meminta kerajaan menubuhkan jawatankuasa untuk menyediakan ujian rambang keatas buah-buahan pengeluaran mereka. Isu ini mungkin menjejaskan rezeki pekebun kecil.

Kerajaan telah memperkatakan niat mewujudkan pasaran sebagai pengeluar dan pengeksport makanan yang halal ke negara-negara Islam. Tetapi hingga sekarang, kita masih tidak mampu menyelesaikan piawaian dan kriteria untuk mengeluarkan makanan yang halal. Kelewatan ini adalah satu kehilangan besar kerana pensijilan halal yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dikenali di seluruh dunia disebabkan kriterianya yang ketat dan juga banyak dicari-cari oleh negara-negara lain.

4. METODOLOGI ANALISA PEKERJAAN – SEKTOR PERTANIAN & ASAS TANI

Dalam melaksanakan Analisa Pekerjaan, perjumpaan permulaan telah diadakan bertujuan untuk menstrategikan Pelan Tindakan menurut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dalam terma skop kajian, kerangka waktu dan perwakilan oleh panel-panel pakar Pelancongan dan Hospitaliti daripada sektor awam dan swasta seperti yang disyaratkan dalam surat penawaran. Satu Pelan Tindakan telah dibentuk untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti dalam kerangka masa yang ditetapkan.

Bab ini dibahagikan kepada 2 bahagian; metodologi yang dicadangkan untuk membentuk Definisi Pekerjaan bagi setiap Tajuk Pekerjaan dan metodologi bagi keseluruhan proses Analisa Pekerjaan.

4.1 KAEDAH PEMBENTUKAN DEFINISI PEKERJAAN

Metodologi yang digunakan merupakan metodologi yang dibentuk oleh Dr. Amiron Ismail yang mana merupakan seorang fasilitator yang berpengalaman dalam pembangunan NOSS, COS, LG dan WIM. Metodologi ini digunakan untuk menghasilkan Definisi Pekerjaan yang jelas dalam skop perkerjaan utama bagi tajuk pekerjaan, kata kerja yang digunakan adalah berdasarkan kepada tahap kesukaran dan objeknya jelas diterangkan.

Di bawah merupakan langkah-langkah utama dalam menghasilkan Definisi Pekerjaan bagi setiap tajuk pekerjaan yang didapati dalam Analisa Pekerjaan:


- (i) Menentukan sub sektor utama dan bidang-bidang dalam sektor
- (ii) Mengenalpasti tajuk pekerjaan
- (iii) Mengenalpasti skop pekerjaan

Untuk menghuraikan Definisi Pekerjaan dengan lebih jelas, kenyataan tersebut haruslah mengandungi **kata kerja**, **objek** dan **penerang**. Rasional penentuan ciri-ciri Definisi Pekerjaan adalah, untuk memastikan konsistensi dan penerusan penggunaan ciri-ciri tersebut dalam Analisa Pekerjaan ke Analisa Kerja dan seterusnya kepada Pembangunan Analisa Tugas.

(a) Objek



Objek akan ditentukan sebelum dua ciri-ciri lain. Objek bagi setiap kerja adalah penentu utama bagi membezakan satu kerja dengan kerja yang lain. Contohnya, demi-chef (sub sektor Dapur bagi Industri Hotel), berurusan dengan makanan dan peralatan memasak sebagai objek untuk melaksanakan tugas. Sementara itu, pendandan rambut berurusan dengan rambut pelanggan, bahan kimia dandanan rambut dan lain-lain lagi.

Objek tersebut diperolehi daripada ahli panel pakar di sepanjang sesi percambahan fikiran dan juga sesi penulisan di atas kad DACUM. Oleh itu, kesemua ahli panel boleh melihat pengenaltastian objek. Contoh objek bagi sub sektor yang berkaitan dengan industri Elektrik ditentukan seperti di bawah:



Rajah 4.1: Contoh Pengenalpastian Objek

Legend:



(b) Kata Kerja

Kata kerja ditentukan berdasarkan tahap kesukaran bagi tajuk pekerjaan yang telah dikenalpasti seperti di bawah:

- **Objek** : *jadual penyenggaraan*
- *Kata kerja bagi Tahap 6* : **Melaksanakan**
- *Kata kerja bagi Tahap 7*: **Menganalisa**
- *Kata kerja bagi Tahap 8*: **Menilai**

Oleh itu, kandungan definisi pekerjaan adalah seperti berikut:

- Pembantu Pengurus Fabrikasi Litar Bersepadu (Tahap 6)
 - ✓ **Melaksanakan** *jadual penyenggaraan + (penerang)*
- Pengurus Fabrikasi Litar Bersepadu (Tahap 7)
 - ✓ **Menganalisa** *jadual penyenggaraan + (penerang)*
- Pakar Mikroelektronik (Tahap 8)
 - ✓ **Menilai** *jadual penyenggaraan + (penerang)*

(c) Penerang

Berdasarkan kepada contoh di atas, pernyataan tidak jelas yang mana ianya tidak mempunyai penerang bagi objek. Oleh itu penerang perlu ditambah untuk penjelasan lebih lanjut. Di bawah disertakan contoh:

➤ *Menganalisa jadual penyenggaraan bagi **peralatan elektrik dan elektronik***

4.2 KAEDAH KESELURUHAN PROSES ANALISA PEKERJAAN

i) Kajian Literasi

Seperti yang digariskan oleh panduan Jabatan Pembangunan Kemahiran, kajian literasi ke atas Sektor Pertanian & Asas Tani telah dijalankan untuk mendapat kefahaman tentang skop, polisi, program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam konteks senario Malaysia. Skop yang diliputi dalam kajian ini termasuklah definisi, analisa ke atas sektor, sub sektor dan status terkini industri Sektor Pertanian & Asas Tani, keperluan pekerja berkemahiran dalam industri tempatan dan persaingan industri pada peringkat antarabangsa. Sila rujuk kajian literasi dalam bahagian 7.

ii) Mengenalpasti Pakar daripada Industri dan Sektor Awam

Hasil kajian literasi telah digunakan sebagai rujukan untuk mengenalpasti skop kajian pekerjaan. Berdasarkan hasil kajian ini, pakar dalam Sektor Pertanian & Asas Tani dapat dikenalpasti dan disenaraikan untuk hubungan lanjut. Senarai pakar untuk dihubungi dan disahkan disenaraikan didalam Lampiran 1.

iii) Mewujudkan komunikasi dengan pakar Sektor Pertanian & Asas Tani

Mengumpulkan pakar Pertanian & Asas Tani dalam Industri dan Sektor Awam yang boleh dihubungi. Senarai pakar telah disertakan dalam Lampiran 1.

iv) Pengumpulan Maklumat

Dalam proses pengumpulan maklumat, dua (2) kaedah telah digunakan iaitu sumbangsaran (brainstorming) dan Developing a Curriculum (DACUM). Sesi DACUM dan sumbangsaran ini telah dihadiri panel pakar yang telah membincangkan sub sektor Pertanian & Asas Tani. Hasil pengumpulan maklumat telah digunakan sebagai input analisa pekerjaan industri Pertanian & Asas Tani.

v) Penganalisaan Maklumat

Berdasarkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di atas, maklumat penting telah dikenalpasti. Maklumat dan data ini telah dianalisa dan dibincangkan dalam beberapa bengkel yang dihadiri pakar industri. Kehadiran pakar industri adalah untuk sama-sama membangunkan Analisa Pekerjaan bagi Sektor Pertanian & Asas Tani.

Rangka di bawah digunakan untuk mengkaji semula dan mengubah rangka Sub Sektor Pertanian & Asas Tani:

- (a) Skop Sektor Pertanian & Asas Tani dan sub sektornya;
- (b) Bidang utama;
- (c) Kumpulan kerja utama dalam industri;
- (d) Tajuk pekerjaan ;
- (e) Struktur hierarki (Tahap 1 – 8); dan
- (f) Definisi pekerjaan.

(vi) Menjalankan bengkel bersama panel pakar

